

GARIS PANDUAN PAKAIAN KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1.0 PENDAHULUAN

Panduan pakaian korporat ini diwujudkan untuk memastikan keseragaman pemakaian pakaian korporat bagi semua staf Universiti Malaysia Terengganu pada waktu-waktu tertentu. Ini adalah kerana cara berpakaian seseorang staf akan mencerminkan imej sesebuah organisasi. Pakaian korporat universiti telah direkabentuk dan perlu digunakan staf yang berkelayakan sebagai menyumbang dalam salah satu aktiviti penjenamaan Universiti. Dengan itu, imej korporat Universiti juga dapat ditonjolkan dengan pemakaian baju korporat semasa bekerja dan semasa menghadiri upacara-upacara rasmi Universiti.

2.0 TUJUAN

Panduan ini bertujuan:-

- 2.1 Memberikan garis panduan mengenai pakaian korporat universiti yang diperuntukkan kepada staf berkelayakan.
- 2.2 Sebagai panduan dan rujukan penggunaan pakaian korporat universiti kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 2.3 Menyelaras reka bentuk, warna dan pemakaian pakaian korporat di UMT.

3.0 DEFINISI

Pakaian korporat UMT adalah pakaian rasmi yang direka khas dengan perletakan logo UMT yang dipakai pada hari-hari tertentu dan untuk menghadiri program khas universiti yang diputuskan memakai pakaian tersebut.

4.0 MATLAMAT

- 4.1 Sebagai penggunaan imej korporat UMT yang melambangkan penjenamaan universiti.

- 4.2 Memenuhi hasrat universiti dalam penggunaan imej korporat sebagai lambang kemegahan dan keunggulan universiti.
- 4.3 Keseragaman pemakaian dalam upacara rasmi Universiti.

5.0 KELAYAKAN

Staf yang layak menerima peruntukan pakaian korporat adalah staf yang berjawatan tetap, sementara atau kontrak dan peruntukan pakaian korporat hanya sekali.

6.0 REKA BENTUK DAN WARNA

- 6.1 Reka bentuk dan warna pakaian korporat adalah seperti yang ditetapkan oleh universiti.
- 6.2 Reka bentuk dan warna pakaian korporat hendaklah tidak menyalahi reka bentuk dan warna yang telah ditetapkan bagi jawatan-jawatan tertentu seperti doktor, jururawat dan lain-lain.
- 6.3 Rekabentuk dan spesifikasi pakaian korporat perlu dirujuk kepada Pejabat Pendaftar.

7.0 PERUNTUKAN

- 7.1 Pembuatan pakaian korporat adalah menggunakan peruntukan kewangan PTJ masing-masing. Perolehan hendaklah dibuat mengikut peraturan dan prosedur perolehan universiti yang berkuatkuasa.
- 7.2 Kos pembuatan pakaian korporat adalah tidak melebihi RM100.00 sehelai.

8.0 KAWALAN REKOD

- 8.1 Semua pembelian baju korporat hendaklah direkodkan oleh Ketua PTJ masing-masing.

9.0 PEMBEKALAN

- 9.1 Pembekalan pakaian korporat adalah sehelai baju korporat dan hanya sekali.
- 9.2 Pembekalan pakaian korporat kepada staf adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan dan kelulusan PTJ.
- 9.3 Pihak Universiti tidak akan membayar tempahan yang dibuat sendiri oleh staf tanpa kelulusan PTJ.
- 9.4 Jika sekiranya berlaku kerosakan, hilang atau staf membaiki sendiri kerosakan selepas dibekalkan, tuntutan atau gantian tidak boleh dibuat kepada universiti.

10.0 PEMAKAIAN

Staf yang telah dibekalkan dengan pakaian korporat hendaklah menggunakan pakaian tersebut bagi program berikut:-

- 10.1 Perhimpunan Bulanan Bersama Naib Canselor.
- 10.2 Pakaian Korporat hendaklah dipakai sekali dalam sebulan iaitu pada setiap hari Rabu minggu pertama.
- 10.3 Menghadiri Program Universiti yang diputuskan memakai pakaian korporat.
- 10.4 Universiti berhak untuk menentukan hari dan masa pemakaian pakaian korporat mengikut keperluan.
- 10.5 Pakaian Lelaki:
Baju korporat hendaklah dipakai dengan seluar panjang berwarna hitam.
- 10.6 Pakaian Wanita:
Baju korporat hendaklah dipakai dengan;
 - 10.6.1 Skirt labuh paras tumit berwarna hitam dan;
 - 10.6.2 Tudung berwarna ungu (warna seperti *lining* pada reka bentuk baju korporat).

11.0 TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa pemakaian Pakaian Korporat UMT ialah mulai 1 Januari 2012.